

WADAH

Bil. 1/17



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Penyelidikan Dan Inovasi



KANDUNGAN

- 3 – PERSIDANGAN MEJA BULAT HALA TUJU PENDIDIKAN MURID ORANG ASLI
- 5 – PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PENDIDIKAN KEBANGSAAN IPGM 2016
- 7 – KONVENSYEN KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2016
- 8 – *INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAM EDUCATION* – IPG KAMPUS BATU LINTANG
- 9 – SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN 2016 – IPGK TEKNIK
- 10 – SIMPOSIUM PENDIDIKAN BAHASA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016 – IPG KAMPUS IPOH
- 11 – SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (ZON SABAH DAN SARAWAK) 2016
- 12 – SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN PISMP -IPGK KENT
- 13 – AKTIVITI JPIPK IPGK SULTAN MIZAN
- 15 – KARNIVAL INOVASI DAN KREATIVITI PERINGKAT IPGKPT 2016

Catatan Minda Ketua Editor

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Segala pujian bagi Allah, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah hidayah Nya, Wadah Penyelidikan dan Inovasi Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dapat diterbitkan sekali lagi.

Sidang Redaksi akan meneruskan usaha menerbitkan Wadah Penyelidikan dan Inovasi pada masa akan datang supaya segala maklumat, ilmu dan bahan penyelidikan, inovasi dan kreativiti terkumpul yang dihasilkan melalui persidangan, seminar, pertandingan dan pameran dapat disebar luaskan dan dikongsi bersama dengan semua warga pendidik, khususnya warga IPG.

Sesungguhnya segala aktiviti yang dimuatkan dalam wadah ini memberi imej dan citra bahawa warga IPG terutama dalam kalangan tenaga akademik, komited dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Sidang Redaksi juga amat mengharapkan serta mengalu-alukan sumbangan bahan atau artikel untuk dimuatkan dalam penerbitan ini. Semoga idea-idea yang ditampilkan dapat merangsang para pensyarah dan guru siswa untuk terus meningkatkan usaha dan berikhtiar bagi mencari dan mencuba idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif ke arah meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Norsita binti A li

SIDANG REDAKSI

Penaung	YBrs. Dr. Noriati binti A. Rashid Timbalan Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)
Penasihat	Dr. Rusmini binti Ku Ahmad Pengarah Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi, IPGM
Ketua Editor	Pn. Norsita binti Ali Penolong PengarahPusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi, IPGM
Editor	Pn. Hashimah binti Hashim (IPGK PI) Pn. Hajar binti Nordin (IPGK PI)
Grafik dan Susun Atur	En. Muntasir bin Muaz Penolong Pengarah Unit Teknologi, Maklumat Dan Komunikasi, IPGM

PERSIDANGAN MEJA BULAT HALA TUJU PENDIDIKAN MURID ORANG ASLI 2016

Persidangan Meja Bulat ini buat julung kalinya telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada 29 November 2016 dan dipengerusikan oleh YB Senator Tuan Chong Sin Woon, Timbalan Menteri Pendidikan II.

PENGERUSI: YB SENATOR TUAN CHONG SIN WOON,
TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II

Seramai 23 ahli panel yang terdiri daripada ahli parlimen, profesor-profesor universiti awam, ketua-ketua jabatan KPM, PADU, NGO, JAKOA, Tok batin serta guru besar sekolah orang Asli telah menghadiri persidangan ini. Manakala, pemerhati pula terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Tema

“Pendidikan Murid Orang Asli :
Isu dan Cabaran”

Kejayaan

Melalui persidangan ini, Pusat Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (PPPI) IPGM selaku urus setia telah berjaya menyatukan ahli politik, ahli akademik, NGO serta pegawai KPM dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan hala tuju pendidikan murid orang Asli.

Impak

Resolusi Persidangan Meja Bulat Hala Tuju Pendidikan Murid Orang Asli 2016 akan menjadi input kepada Pelan Pembangunan Orang Asli 2017 (TPOA) yang akan diterajui oleh PADU.



Sesi bergambar bersama ahli-ahli panel persidangan meja bulat.



Cenderamata disampaikan oleh YBhg. Dato' Hj. Ahmad Tajudin bin Jab, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan) kepada pengerusi persidangan meja bulat diiringi oleh Dr. Noriati binti A. Rashid (Timbalan Rektor IPGM) sebagai tuan rumah.



Salah seorang ahli panel Tok Batin

Salah seorang ahli panel YBhg. Dato' Mazlan bin Mohamed dari Yayasan Sarana

PERSIDANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PENDIDIKAN KEBANGSAAN IPGM 2016

Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan IPGM 2016 anjuran bersama Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur telah diadakan pada 11 dan 12 Oktober 2016.

Tema: “Pendidikan Abad Ke-21 dan Masa Hadapan”

Tiga acara telah digabungkan dalam persidangan ini iaitu,

1. Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2016
2. Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CIC) 2016
3. Pertandingan *Blue Ocean Strategy* (BOS) 2016

Majlis Perasmian Penutupan persidangan telah disempurnakan oleh Datuk Dr. Amin bin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Persidangan yang telah dihadiri oleh 350 orang peserta ini, telah menjadi satu *platform* yang mengumpulkan para pendidik dari Institut Pendidikan Guru (IPG), pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia, pensyarah Kolej Matrikulasi, Institut Aminudin Baki dan guru sekolah untuk membentangi, berkongsi dan menyebarkan dapatan penyelidikan serta amalan pendidikan mereka.

Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2016

Sebanyak 76 kertas penyelidikan telah dibentangi dan melalui hasil perkongsian ini, bidang penyelidikan dan inovasi akan terus berkembang dan dapat dilestarikan sebagai satu budaya kerja dalam kalangan pendidik, khususnya Anjakan ke-8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu ‘Transformasi Kebolehan dan Keupayaan Penyampaian Pendidikan’ dapat dicapai melalui penyelidikan dan inovasi di samping usaha-usaha yang lain.

Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CIC) serta *Blue Ocean Strategy* diadakan untuk memantapkan budaya inovasi dalam kalangan pensyarah dan para siswa pendidik Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana inovasi dikenal pasti sebagai salah satu bidang yang dapat mempercepatkan proses transformasi Institut Pendidikan Guru. Hal ini penting kerana,

transformasi pendidikan negara menggesa para pendidik untuk menjadi penggerak kepada pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi tujuan merealisasikan aspirasi murid, selaras dengan hasrat PPPM 2013-2025.

Sebanyak enam kumpulan pensyarah IPG Kampus telah mengambil bahagian dalam Pertandingan *Blue Ocean Strategy* peringkat kebangsaan. Manakala 12 kumpulan telah terpilih untuk bertanding dalam Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CIC) peringkat kebangsaan bagi dua kategori iaitu Kategori Pensyarah dan Siswa Pendidik.



Pemenang Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CIC) 2016

KEDUDUKAN	Kategori Pensyarah		Kategori Pelajar	
	IPG Kampus	Tajuk Projek	IPG Kampus	Tajuk Projek
Johan	Ipoh	SMART KIT	Kent	MY DOLL
Naib Johan	Pulau Pinang	“WHATSAPP NOTES”	Perlis	SPORE: A Fun Way To Learn
Ketiga	Sultan Abdul Halim	LIJA	Perempuan Melayu	Alat Intervensi Khas A-GRAB

Ucap Utama

Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia telah dijemput sebagai pembentang Ucap Utama dan beliau telah mengupas tema persidangan iaitu 'Pendidikan Abad Ke-21 dan Masa Hadapan'.

Forum Persidangan

Tiga ahli panel Forum Persidangan terdiri daripada Datuk Dr. Mohd Yusof Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr. Hussein Ahmad, Timbalan Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia dan Dr. Ismail Zain, Penasihat Tutor Utusan Malaysia telah mengupas tajuk Forum iaitu 'Transformasi dalam Pendidikan Abad Ke-21: Realiti dan Cabaran'.

Sebanyak 14 resolusi telah dicapai sempena Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan IPGM 2016 yang merangkumi;

- pemantapan kurikulum, kokurikulum dan pentaksiran prasekolah, sekolah, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan institusi pendidikan yang lain, mengikut perkembangan dan keperluan pendidikan semasa.
- pembudayaan kemahiran berfikir secara kritis berdasarkan bukti sahih dan boleh dipercayai serta peningkatan kapasiti berfikir aras tinggi.
- peluasan akses kepada pendidikan abad ke-21 untuk semua murid dengan penekanan kepada murid pemulihan dan keperluan khas.

Transformasi pendidikan harus bermula dengan guru menerusi kesedaran diri, sifat positif dan kemahuan membina ilmu dan kemahiran diri serta usaha. Transformasi yang dilakukan pula harus mengikut acuan negara dan budaya masyarakat tempatan, dan bukannya meniru budaya asing. ~ kata sepakat panel Forum.

Resolusi Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan IPGM dalam Pendidikan Abad Ke 21 dan Masa Hadapan

Objektif Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan IPGM 2016 dapat dicapai dengan berkesan dari aspek merealisasikan pendidikan abad ke-21 dan masa hadapan melalui :

1. Pemantapan kurikulum, kokurikulum dan pentaksiran prasekolah, sekolah, institut pendidikan guru dan institusi pendidikan yang lain mengikut perkembangan dan keperluan pendidikan semasa;
2. Penekanan terhadap pentaksiran berasaskan sekolah agar guru sekolah dilengkapi dengan *trend* pentaksiran terkini;
3. Penjanaan amalan terbaik pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran, bertujuan untuk menjamin kualiti pendidikan prasekolah, sekolah, institut pendidikan guru dan institusi pendidikan yang lain;
4. Pemupukan kemahiran insaniah khususnya kemahiran komunikasi dan kolaboratif;
5. Pembudayaan kemahiran berfikir secara kritis berdasarkan bukti sahih dan boleh dipercayai dan peningkatan kapasiti berfikir pada aras yang tinggi;
6. Penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran penyelesaian masalah serta penggunaan maklumat dalam menyelesaikan masalah;
7. Pemupukan nilai permuafakatan dan amalan hidup yang sejahtera;
8. Pencetusan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif melalui amalan terbaik pedagogi;
9. Peningkatan kemenjadian guru permulaan dengan pemantapan program latihan pra perkhidmatan;
10. Pemantapan kursus dalam perkhidmatan dan perkembangan profesional berterusan bagi semua guru sekolah melalui pembelajaran sepanjang hayat;
11. Peluasan akses kepada pendidikan abad ke-21 untuk semua murid dengan penekanan kepada murid pemulihan dan berkeperluan khas;
12. Peningkatan penggunaan dan eksploitasi multimedia dan teknologi maklumat dan komunikasi selaras dengan trend semasa;
13. Pengukuhan pendidikan bersepadu untuk memastikan pendidikan yang mampan;
14. Penghayatan semua elemen dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk mewujudkan insan yang seimbang selaras dengan pendidikan abad ke 21.



Datuk Dr. Amin bin Senin melawat tapak pameran diiringi oleh Rektor IPGM, Dr. Azian T.S. Abdullah dan Dr. Nagalingam Karuppiah (Pengarah IPGK Bahasa Antarabangsa)

KONVENSYEN KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2016

Tema - Inovasi Diperkasa Komersialisasi Dipersada

Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK), Kementerian Pendidikan Malaysia 2016, telah berlangsung pada 1 hingga 3 November di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Konvensyen bertemakan “Inovasi Diperkasa Komersialisasi Dipersada” ini telah disertai oleh 13 kumpulan KIK dari Institut Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi, Kolej Vokasional, Pejabat Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Kesemua kumpulan yang bertanding telah memperoleh tiga bintang iaitu pencapaian tertinggi dalam konvensyen ini. Kumpulan KIK yang terbaik akan mewakili KPM untuk bertanding di peringkat kebangsaan seterusnya ke peringkat antarabangsa.

4 kumpulan yang telah mewakili IPGM adalah;

IPGK	NAMA KUMPULAN	TAJUK
Ipoh	KEME	“Peratus Tahap Pencapaian Kemahiran Pedagogi Guru Pelatih Matematik Bagi Tajuk Unit Metrik Adalah Rendah”;
Pendidikan Islam	IMAR	“Kesukaran Mengesan Graduan IPG KPI Bagi Tujuan Maklum Balas Pelanggan”;
Raja Melewar	ACHIEVERS	“Penghasilan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Yang Kurang Berkualiti Dalam Kalangan Siswa Guru”
KENT	T-KENT	“Murid <i>Teaching School</i> Tidak Menguasai Kemahiran Penukaran Unit Panjang”.



Tahniah kepada kumpulan KEME kerana mendapat tempat ketiga KIK 2016



Kumpulan IMAR



Kumpulan KENT



Kumpulan ACHIEVERS

INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC EDUCATION – IPGK TUN ABDUL RAZAK

ICIEd2016
INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIC EDUCATION
IPG KAMPUS TUN ABDUL RAZAK, SARAWAK | 5 - 7 OCTOBER 2016

ICIEd 2016 merupakan persidangan antarabangsa yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Intelektual Muslim Malaysia dan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak pada 5 – 7 Oktober 2016.

Matlamat

Seminar ini merupakan satu *platform* untuk membangun dan meningkatkan pengetahuan pensyarah dalam pedagogi dan amalan Pendidikan Islam. Selain itu, seminar ini juga dilihat sebagai satu alternatif yang holistik untuk kemajuan sosial, dan sebagai medium untuk memupuk persefahaman yang lebih baik dalam kalangan masyarakat menurut ajaran Islam. Usaha untuk memaju dan mengintegrasikan keperluan pengetahuan masyarakat diberi perhatian bagi memastikan tujuan dan matlamat ajaran Islam boleh dicapai melalui pendidikan Islam.



Pelbagai isu dan cabaran yang perlu dikaji dalam konteks alternatif yang praktikal, sama ada dalam sistem pendidikan Islam atau bidang lain, bagi memenuhi objektif sistem pendidikan seterusnya menghasilkan tenaga kerja berkualiti yang boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara Malaysia.



SEMINAR ANTARABANGSA PENDIDIKAN 2016 ANJURAN BERSAMA IPGK TEKNIK DAN UNIVERSITAS NEGERI PADANG, INDONESIA

Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Pendidikan Teknik telah berjaya menganjurkan *International Seminar On Education* dengan kerjasama Fakulti Pendidikan, Universitas Negeri Padang, Indonesia pada 20 – 23 Oktober 2016 di Rocky Hotel Convention Centre, Padang, Indonesia.

Seminar bertemakan "*Understanding Future Trends Towards Global Education*" yang julung kali diadakan menampilkan lapan kertas kerja *Keynote Speakers* dan 161 kertas penyelidikan dari Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, USA, Uganda, Republik Slovakia dan Kanada. Peserta Malaysia seramai 65 orang terdiri daripada warga pendidik institusi pengajian tinggi awam dan swasta, 23 daripadanya adalah warga pendidik IPG Kampus Pendidikan Teknik.

Matlamat persidangan ini adalah untuk menyediakan pentas kepada ahli akademik, pendidik guru dan warga pendidik berkongsi amalan terbaik, kepakaran dan penyelidikan mereka dalam bidang pendidikan.



Bergambar bersama-sama Keynote Speakers dari Republik Slovakia, USA, Uganda, Indonesia & Malaysia



Sebahagian peserta dari Malaysia dan Filipina

SIMPOSIUM PENDIDIKAN BAHASA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016, IPG KAMPUS IPOH

Simposium Pendidikan Bahasa Peringkat Kebangsaan 2016, anjuran Jabatan Bahasa Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI) telah dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Hulu Kinta, Perak pada 20 Oktober 2016.

Penyelidikan yang meliputi skop kepelbagaian bahasa (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil) menepati Anjakan Kedua dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu memperluaskan peluang penguasaan kemahiran dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan juga digalakkan mempelajari bahasa tambahan.

Tema simposium "Penyelidikan dan Inovasi Pemacu Transformasi Pendidikan Bahasa Abad ke 21"

Sub-tema berfokus kepada:

- Amalan Pendidikan Bahasa Abad ke-21
- Ujian dan Penilaian dalam Pendidikan Bahasa
- Kreativiti dan Inovasi dalam Pendidikan Bahasa
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan Bahasa
- Pembelajaran Sepanjang Hayat melalui Pendidikan Bahasa

Sebanyak 42 tajuk kajian oleh hampir 70 penyelidik telah dibentangkan oleh warga pendidik dari IPGK, IPTA, IPTS, Politeknik dan sekolah. Selain itu, siswa guru daripada IPG Kampus Ipoh, IPG Kampus Teknik dan IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan juga berpeluang untuk mengemukakan idea dan cadangan baharu untuk penyelesaian masalah pendidikan bahasa melalui 15 pembentangan poster.

Sebanyak lapan resolusi telah dicapai melalui simposium ini yang menjurus ke arah meningkatkan pendidikan bahasa melalui penyelidikan dan inovasi dalam Pendidikan Abad 21.

Simposium ini telah dapat menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi dalam bidang pendidikan bahasa dalam kalangan warga pendidik, khasnya warga IPG Kampus Ipoh.

Simposium Pendidikan Bahasa ini perlu diteruskan ke peringkat antarabangsa sebagai satu *platform* pertemuan terbuka dalam kalangan penyelidik yang pakar dalam bidang bahasa dari serata dunia. Pada masa akan datang, bidang pengkhususan bahasa perlu meliputi skop kepelbagaian bahasa yang lebih meluas iaitu termasuk juga Bahasa Arab dan bahasa etnik di Sabah dan Sarawak.





Jabatan Bahasa IPGKI bergambar kenangan bersama Timbalan Rektor IPGM, Dr Noriati binti A. Rashid

SEMINAR PENYELIDIKAN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (ZON SABAH DAN SARAWAK) 2016

Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan (Zon Sabah dan Sarawak) 2016 telah dianjurkan oleh IPG Kent pada 20-21 September 2016.

Tema "Kesediaan dan Fenomena Pendidikan *Trend* Semasa".

Matlamat seminar adalah untuk meningkatkan perkongsian hasil penyelidikan para pendidik berhubung dengan isu-isu pendidikan khususnya yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Sains Sosial, Sains dan Matematik. Sebanyak 57 kertas kerja telah dibentangkan.

Ucap Utama

Sesi ucapan utama telah disampaikan oleh Prof. Dr. Fong Soon Fook, seorang Profesor Pendidikan Multimedia dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia, Sabah. Pensyarah dari seluruh IPG telah mengambil bahagian dalam seminar ini. Pembentangan resolusi seminar telah dilaksanakan oleh Dr. Sabariah binti Baharun. Manakala ucapan perasmian dan penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Noriati binti A. Rashid, Timbalan Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia.





Bergambar sempena Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Zon Sabah Sarawak

SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN PISMP AMBILAN JAN 2013 – IPG KAMPUS KENT

Seminar ini telah diadakan pada 28-29 September 2016 dengan tema “Penyelidikan Tindakan Memacu Pendidikan Dinamik dan Inovatif”. Seramai 71 orang pelajar daripada unit Sejarah, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris terlibat dengan seminar ini.



AKTIVITI JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI PROFESIONALISME KEGURUAN (JPIPK) IPG KAMPUS SULTAN MIZAN

1. BENGKEL PENULISAN BUKU SIRI I IPG KAMPUS SULTAN MIZAN

Bengkel Penulisan Buku Siri 1 telah diadakan pada 9-10 Ogos 2016, bertempat di Pusat Kegiatan Guru Kampung Raja, Besut Terengganu. Semua ahli Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (PIPK) IPG Kampus Sultan Mizan terlibat dengan bengkel ini.

Lima proposal penulisan buku telah berjaya dihasilkan dan dihantar ke Dewan Bahasa dan Pustaka. Namun, hanya tiga proposal sahaja yang telah diterima untuk meneruskan penulisan iaitu;

Nama Projek Buku/Modul	Nama Penulis	Tarikh Jangkaan Siap
Langkah Membina Soal Selidik Dalam Kajian Sains Sosial	Dr Haslina bt. Hanapi	30 Mei 2017
Pemikiran Matematik : Proses Standard Dalam KSSR	Dr Fan Siong Peng	30 Mei 2017
Sistem Algebra Komputer (SAK) : Alat Digital Matematik Abad 21	Dr Hazlina bt. Awang Lah	30 Mei 2017

2. PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH DAN PELAJAR IPGK SULTAN MIZAN 2016

Pertandingan inovasi ini telah diadakan pada 21 Oktober 2016, dari jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengahari, bertempat di Dewan Bendahara, IPGKSM.

Tuan Pengarah IPGKSM, Dr. Mohd. Aziz bin Mohd. Din.

Penyertaan

Program Pertandingan Inovasi yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan PIPK iaitu Dr. Haslina binti Hanapi dan Penyelaras Program, Dr. Hazlina binti Awang Lah (Penolong Ketua Jabatan PIPK) ini telah disertai oleh 12 kumpulan kategori pensyarah dan 65 kumpulan kategori pelajar. Lebih 20 kumpulan yang bertanding mendapat anugerah pingat emas iaitu markah melebihi 80. Seramai 10 orang hakim telah dipilih daripada pensyarah yang berwibawa dari IPG Kampus Kota Bharu dan IPG Kampus Dato' Razali.

Adalah diharapkan pertandingan seperti ini perlu diteruskan lagi di masa akan datang dengan menambah unsur kreativiti dan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam projek inovasi yang dihasilkan.

Penyertaan inovasi daripada Pensyarah dapat menjadi model dan inspirasi kepada pelajar serta membuktikan keupayaan pensyarah menghasilkan bahan inovasi dalam P&P selaras dengan Tema Pertandingan Inovasi iaitu "Kreativiti dan Inovasi Pemangkin Pemikiran Pendidikan"

Ceramah Perdana dan Majlis Penutupan

Tuan Haji Shafuddin bin Haji Ali Hussin, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu telah dijemput untuk menyampaikan Ceramah Perdana. Seterusnya, Majlis Penutupan Pertandingan Inovasi telah disempurnakan oleh



Bergambar bersama pengarah JPNT, Tuan Hj Shafuddin Haji Ali Hussin



Pemenang inovasi kategori pensyarah dengan anugerah pingat emas tempat pertama dengan tajuk *Inovasi My Interactive Family*.

3. SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN PELAJAR PISMP AMBILAN JANUARI 2013 - IPG KAMPUS SULTAN MIZAN

Sasaran

Sasaran peserta ialah pelajar semester akhir yang akan melengkapkan laporan projek akhir bagi melayakkan mendapat anugerah Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian. Seramai 200 orang pelajar semester 8 PISMP dari pelbagai kursus telah menyertai seminar ini.

Perlaksanaan

Seminar Penyelidikan Tindakan Pelajar PISMP Ambilan Januari 2013 ini telah diadakan pada 6-8 September 2016 di Tanjung Demong Beach Resort, Bukit Keluang, Besut, Terengganu. Seminar ini dijalankan selama 3 hari 2 malam. Pembentangan diadakan secara selari dan seramai 64 orang pensyarah telah dipilih sebagai panel penilai. Perancangan dan pengurusan seminar dilaksanakan oleh Ahli Majlis Tertinggi dan Jawatan Kuasa Seminar yang dipilih dalam kalangan pelajar sendiri. Seminar ini dilaksanakan dengan pemantauan oleh Pengerusi I (Ketua Sektor Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Dr Muhamad Sidek bin Said), Pengerusi II (Ketua Jabatan PIPK, Dr. Haslina binti Hanapi), Penyelaras Seminar (Pn Shariha binti Jusoh) dan ahli Jabatan PIPK sebagai Urus Setia. Majlis Penutupan telah diadakan bersama dengan Majlis Jamuan Akhir Semester yang turut dihadiri oleh mentor pelajar masing-masing.

Impak

Seminar ini telah memberi impak yang berharga kepada pelajar dalam merancang, mengendalikan, dan mengurus seminar serta dapat menjadi seorang guru yang profesional selaras dengan tema seminar iaitu "Penyelidikan Tindakan Penjana Kualiti Profesionalisme Keguruan".



Di Majlis Penutupan Seminar Penyelidikan Pelajar



Penutup

Adalah diharapkan pelaksanaan seminar ini perlu diteruskan bagi menjamin ketelusan, kualiti dan kelancaran dalam penilaian seminar seumpama ini. Hasil kualiti penyelidikan pelajar dapat menunjukkan peningkatan dalam seminar ini.



Pembentangan dan penilaian diteruskan dalam sidang selari

KARNIVAL INOVASI DAN KREATIVITI PERINGKAT IPGKPT 2016

Karnival ini telah dijalankan pada 6-8 September 2016, bertempat di Blok Pendidikan Teknik dan Vokasional IPG Kampus Pendidikan Teknik, anjuran Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (JPIPK).

Tema: *"Guru Inovatif Arkitek Penyelidikan"*

Tujuan: Karnival ini bertujuan untuk membudayakan minda berinovasi di IPG Kampus Pendidikan Teknik. Sebanyak 49 pasukan yang terdiri daripada 16 pasukan pensyarah dan 33 pasukan siswa pendidik telah mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi ini. Manakala dua pasukan pensyarah telah menyertai kategori Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).



PENYERTAAN IPGK TEKNIK KE PAMERAN DAN PERTANDINGAN ANTARABANGSA *INVENTION, INNOVATION & DESIGN EXPOSITION 2016 (iidex 2016)*

Seramai 35 pensyarah dan 10 pelajar IPG Kampus Pendidikan Teknik telah menyertai pameran dan pertandingan antarabangsa *Invention, Innovation & Design Exposition (iidex 2016)* yang telah dianjurkan oleh UiTM Shah Alam pada 20-23 September 2016.

Pencapaian IPG Kampus Teknik mengikut pingat adalah seperti berikut:

	Tajuk	Kategori
Emas	SARI: Adaptive Writing Aids	Pensyarah
Emas	Prototype Model: Mobile Learning Teaching Model	Pensyarah
Emas	Innovation In Traditional Games Project With TGfU Approach	Pensyarah
Emas	Needle Collector	Pensyarah
Emas	Synergy Of CSF For E-EIS Development	Pensyarah
Emas	Augmented Reality Remedial Worksheet For Negative Numbers	Pensyarah
Emas	USR Board Game	Pelajar
Perak	KawanCikgu: Online-Kinetics For Pedagogic Synergy	Pensyarah
Perak	Mind Maths Board Model	Pensyarah
Perak	Fraction Sense Game: Frac-Sen	Pensyarah
Perak	"Catch Me If You Can" Traditional Games Project	Pelajar
Gangsa	Zoomax	Pensyarah
Gangsa	Untold Story: The Journey Of Learning	Pelajar



Tuan Pengarah, Dr. Mohamad Nor Mohamad Taib bersama ahli kumpulan semasa penyampaian sijil *Product Pitching*



Penerbitan IPGM 2016



ISSN 0127-9599



PENERBIT

IPGM KPM

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Aras 1-3, Blok 2250, Jalan Usahawan 1, 63000 Cyberjaya
Telefon: 603-8312 6666 Faks: 603-83126656